



PETIKAN AKHBAR

Harga RON97, RON95 dan diesel kekal – Kementerian Kewangan

PETIKAN AKHBAR | 23 JUN 2021



KUALA LUMPUR, 23 Jun – Harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada paras RM2.67, RM2.05 dan RM2.15 seliter bagi tempoh 24 hingga 30 Jun ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan hari ini, harga itu berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter, walaupun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan," demikian menurut kenyataan itu.

Kerajaan, kata Kementerian Kewangan, akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

[Bernama](#)

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

[Laporan LAKSANA](#)

[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[TMK I](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[HARGA MINYAK](#)

[BUDGET 2022](#)